

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [ KAMPAR ]**

**SOALAN**

**TUAN SU KEONG SIONG [ KAMPAR ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan secara terperinci peruntukan dan rancangan untuk menyelesaikan masalah banjir di dalam kawasan Parlimen Kampar dari tahun 2018 - 2021.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Kinta Fasa 2 merupakan projek tebatan banjir yang merangkumi kawasan Kampar. Berdasarkan rekabentuk terperinci yang sedang dijalankan kini, projek RTB ini akan dapat menyelesaikan masalah banjir yang berlaku di kawasan Kampar. Kos keseluruhan bagi projek ini adalah RM108 juta yang terdiri dari perkhidmatan perunding, perkhidmatan kerja ukur kejuruteraan dan penyediaan pengambilan tanah, pengambilan tanah serta kerja-kerja fizikal.
2. Projek RTB Sungai Kinta Fasa 2 ini dalam peringkat penyediaan *Interim Design Report* bagi perkhidmatan rekabentuk terperinci dan dijangka siap sepenuhnya pada Jun 2022. Manakala kerja ukur kejuruteraan dan penyediaan pelan pengambilan tanah sedang di dalam proses penilaian dan pelantikan jurukur. Projek ini dijangka tender bagi kerja pembinaan fizikal pada Ogos 2022.
3. Selain itu, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan pendekatan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (*Integrated River Basin Management - IRBM*). Ia merupakan kaedah terbaik yang memerlukan penglibatan semua pihak berkepentingan bagi mengelakkan berlakunya insiden pencemaran, memastikan sumber air yang bersih dan mencukupi, mengurangkan risiko banjir serta meningkatkan pemuliharaan alam sekitar. Melalui pelan IRBM ini, Kementerian telah menyediakan cadangan menangani isu-isu strategik dalam lembangan untuk rujukan kerajaan negeri dalam merancang pembangunan agar selari dengan matlamat pemeliharaan kelestarian alam sekitar. Pelan IRBM Sg. Perak telah siap dilaksanakan pada tahun 2010 dan kajian semula Pelan IRBM Sg. Perak ini akan dilaksanakan dalam RMKe-12.

4. Melalui Program Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir Pelbagai Negeri, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) memberi perhatian secara khusus mengenai isu pembersihan dan mengoptimumkan kapasiti saluran/ sungai sebagai langkah mitigasi jangka pendek dan sederhana. Skop kerja yang terlibat di bawah program ini adalah kerja pengorekan sungai, muara sungai, pembinaan struktur hakisan tebing sungai, membuang kelodak, sampah, sisa pepejal, menaik taraf dan menyelenggara aset/ struktur kawalan banjir yang bertujuan mengurangkan risiko banjir.

5. Di bawah program ini, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) membantu Kerajaan Negeri dengan menyalurkan peruntukan bagi melaksanakan kerja-kerja untuk mengurangkan risiko banjir di seluruh Negara. Daripada tahun 2018 sehingga 2021, peruntukan yang telah diperuntukkan bagi Parlimen Kampar adalah seperti berikut:

BIL.	TAHUN	JUMLAH PROJEK	PERBELANJAAN (RM)
1	2018	0	0
2	2019	3	58,930.00
3	2020	11	455,380.00
4	2021	2	39,750.00
5	2021 (akan dilaksanakan di bawah PEMERKASA)	9	180,000.00
<b>JUMLAH</b>		<b>25</b>	<b>734,060.00</b>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG [ KAMPAR ]**

**SOALAN**

**TUAN SU KEONG SIONG [ KAMPAR ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat menggubal undang-undang untuk membendung dan/atau mengawal penyalahgunaan daun ketum di kalangan remaja-remaja yang semakin berleluasa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) amat memandang serius gejala penagihan dan penyalahgunaan dadah serta substans di negara kita, lebih-lebih lagi dengan kemunculan kes penyalahgunaan daun ketum yang semakin membimbangkan.

Kawalan terhadap tanaman ketum telah dilaksanakan sejak tahun 2003 apabila *alkaloid mitragynine* yang terdapat dalam tanaman ketum disenaraikan sebagai bahan psikotropik di bawah Jadual Ketiga, Akta Racun 1952. Individu yang melakukan kesalahan di bawah Akta ini jika disabitkan kesalahan, boleh dihukum dengan denda tidak melebihi RM10,000.00 atau penjara tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya sekali.

Kementerian sedang mengkaji untuk meluaskan skop rawatan dan pemulihian ke atas penyalahguna substans termasuk ketum untuk dirawat pulih dalam institusi dan komuniti.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH  
[LEDANG ]**

**SOALAN**

**TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:**

- (a) apakah status penaiktarafan Hospital Tangkak sebagai hospital kluster; dan
- (b) senarai perkhidmatan utama yang ditawarkan serta jumlah kehadiran pesakit sepanjang Januari 2021 hingga kini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Hospital Tangkak merupakan Hospital Tanpa Pakar berkapasiti 69 katil dan terlibat di dalam inisiatif Hospital Kluster sejak tahun 2020. Hospital Tangkak adalah hospital *Non-Lead* (NLH) bagi Hospital Kluster Johor Utara yang diterajui oleh Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar. Hospital lain yang terlibat di dalam kluster ini adalah Hospital Segamat.
2. Perkhidmatan kepakaran disampaikan dari Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar dan Hospital Segamat melalui lawatan pakar secara berkala. Pegawai perubatan turut dilatih oleh pakar-pakar yang terlibat. Perkhidmatan kepakaran dilaksanakan melalui lawatan pakar dari Jabatan Perubatan Am, Psikiatri, Pediatrik, Pembedahan Am dan Ortopedik dari Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar dan Hospital Segamat secara bergilir.
3. Semasa pandemik COVID-19, Hospital Tangkak juga telah dijadikan sebagai Hospital Hybrid COVID-19 sejak bulan Mei 2021. Hospital Tangkak menerima pesakit *stepdown care* untuk kes COVID-19 dan *non-COVID-19* bagi Hospital Kluster Johor Utara. Purata kadar penggunaan katil Hospital Tangkak adalah 69% pada 2021 (Januari sehingga September). Purata kedatangan pesakit di Jabatan Kecemasan sejak Januari hingga September 2021 adalah 1,816 dan purata kedatangan pesakit ke Klinik Pakar adalah 383 pesakit sebulan. Jumlah ini menunjukkan sedikit peningkatan berbanding kedatangan pesakit pada tahun 2020 di mana 1,789 purata kedatangan pesakit sebulan di Jabatan Kecemasan dan 290 di Klinik Pakar.
4. Perkhidmatan kepakaran di hospital Tangkak sebagai sebahagian daripada Hospital Kluster Johor Utara akan terus dipertingkatkan terutama selepas fasa Pandemik COVID-19 bagi memastikan akses kepada perkhidmatan kepakaran dapat disediakan sebaiknya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA,  
PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH  
[LEDANG]**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan:

- (a) Berapa jumlah pengusaha mikro dalam negeri Johor terutamanya bagi kawasan Parlimen Ledang yang telah gulung tikar bermula Januari 2021 hingga kini; dan
- (b) Apakah langkah-langkah yang diambil bagi menangani masalah ini.

**JAWAPAN**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Kaji Selidik Ke Atas Usahawan semasa Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (PKP 3.0), yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) pada 15 hingga 28 Jun 2021 mendapati bahawa sebanyak 2,905 usahawan mikro di negeri Johor telah berhenti beroperasi atau gulung tikar.
2. Berhubung dengan usahawan gulung tikar di Parlimen Ledang, MEDAC tidak mempunyai data terperinci berdasarkan kawasan Parlimen. Bagi tujuan ini, Majlis Pembangunan Usahawan dan Koperasi akan diwujudkan di setiap kawasan Parlimen bagi memastikan pelaksanaan program pembangunan keusahawanan yang lebih menyeluruh.
3. MEDAC juga telah menyediakan skim pembiayaan bagi usahawan mikro yang gulung tikar melalui Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Mikro 2.0 (CBRM 2.0) di bawah TEKUN yang menyediakan pembiayaan sehingga RM20 ribu.
4. Selain itu, MEDAC telah mengambil ketetapan supaya proses permohonan pembiayaan bagi dana Kerajaan di bawah agensi MEDAC tidak akan mengambil kira penilaian CTOS dan CCRIS dalam tempoh pandemik ini.
5. Di samping itu, tempoh kelulusan pembiayaan termasuk proses penyaluran juga disegerakan dan kriteria permohonan dipermudahkan.

Sekian, terima kasih.